

MEMAHAMI PROSES
PERCERAIAN DI
MAHKAMAH SYARIAH

PERJALANAN PERCERAIAN



SYARIAH COURT
SINGAPORE

PROSES PERCERAIAN (PERSETUJUAN BERSAMA)



1

Perceraian di Mahkamah Syariah

Jika anda ingin bercerai dengan pasangan anda, dan anda telah bernikah di bawah undang-undang Islam, anda perlu mendaftarkan perceraian di Mahkamah Syariah (SYC).



2

Pasangan perlu menghadiri program wajib

Daftar menggunakan Portal SYC dan hadiri Program Kaunseling Perkahwinan (MCP). Ini diwajibkan untuk semua pasangan Muslim.

MCP akan merangkumi Program Keibubapaan, yang diwajibkan jika anda mempunyai anak (daripada perkahwinan ini dan di bawah umur 21 tahun).



3

Salah seorang pasangan memfailkan Permohonan Perceraian (Originating Summons)

Jika anda ingin meneruskan dengan perceraian selepas melalui MCP, salah seorang pasangan mesti melengkapkan dan memfailkan Originating Summons melalui Portal SYC dalam tempoh 6 bulan selepas sesi terakhir MCP.

Pasangan yang memfailkan Originating Summons digelar "Plaintif". Pasangan yang lain digelar "Defendan".



6

Pengantaraan

Pengantara (Mediator) (dan juga pakar terapeutik mahkamah, jika diperlu) akan berusaha untuk membantu pihak mencapai persetujuan mengenai perceraian dan perkara sampingan seperti hak penjagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan.



5

Defendan harus memfailkan Memorandum Pembelaan

Defendan mesti menggunakan Portal SYC untuk memfailkan jawapannya dalam Memorandum Pembelaan (Memorandum of Defence). Defendan boleh bersetuju atau tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff yang terdapat dalam Pernyataan Kes Plaintiff.



4

Plaintif harus menyerahkan Originating Summons kepada Defendan

Anda mesti berjaya menyerahkan dokumen perceraian kepada Defendan (iaitu pasangan anda). Ini termasuk Pernyataan Kes (Case Statement) dengan tuntutan anda.



PENGHAKIMAN

Persetujuan tentang semua perkara

Jika kedua-dua pihak boleh mencapai persetujuan mengenai semua perkara, mediator akan membantu menyediakan Draf Perintah Mahkamah dan Presiden Mahkamah akan memutuskan sama ada ia boleh diluluskan.



7

Kelulusan – Perceraian Diselesaikan

Jika diluluskan, Perintah Mahkamah dan Sijil Perceraian* akan dikeluarkan dan tersedia melalui Portal SYC.

Tidak Diluluskan

Jika persetujuan tidak diluluskan, Presiden akan memberikan arahan untuk meneruskan kes.

***Tempoh pentadbiran akan ditetapkan.**

TAMAT

PROSES PERCERAIAN (TANPA PERSETUJUAN BERSAMA)



1

Perceraian di Mahkamah Syariah

Jika anda ingin bercerai dengan pasangan anda, dan anda telah bernikah di bawah undang-undang Islam, anda perlu mendaftarkan perceraian di Mahkamah Syariah (SYC).



2

Pasangan perlu menghadiri program wajib

Daftar menggunakan Portal SYC dan hadir Program Kaunseling Perkahwinan (MCP). Ini diwajibkan untuk semua pasangan Muslim.

MCP akan merangkumi Program Keibubapaan, yang diwajibkan jika anda mempunyai anak (daripada perkahwinan ini dan di bawah umur 21 tahun).



3

Salah seorang pasangan memfailkan Permohonan Perceraian (Originating Summons)

Jika anda ingin meneruskan dengan perceraian selepas melalui MCP, salah seorang pasangan mesti melengkapkan dan memfailkan Originating Summons melalui Portal SYC dalam tempoh 6 bulan selepas sesi terakhir MCP.

Pasangan yang memfailkan Originating Summons digelar "Plaintif". Pasangan yang lain digelar "Defendan".



6

Pengantaraan

Pengantara (Mediator) (dan juga pakar terapeutik mahkamah, jika diperlu) akan berusaha untuk membantu pihak mencapai persetujuan mengenai perceraian dan perkara seperti hak penjagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan.

Jika ada perkara perceraian tidak dipersetujui bersama, kes akan dihantar ke Persidangan Pra-Perbicaraan (PTC). Defendan mesti memastikan MOD dilengkapkan dan diterima oleh Mahkamah sebelum menghadiri sesi pengantaraan. Dalam sesetengah kes, janji temu pertama anda mungkin adalah PTC.



5

Defendan harus memfailkan Memorandum Pembelaan

Defendan mesti menggunakan Portal SYC untuk memfailkan jawapannya dalam Memorandum Pembelaan (Memorandum of Defence). Defendan boleh bersetuju atau tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintif yang terdapat dalam Pernyataan Kes Plaintif.



4

Plaintif harus menyerahkan Originating Summons kepada Defendan

Anda mesti berjaya menyerahkan dokumen perceraian kepada Defendan (iaitu pasangan anda). Ini termasuk Pernyataan Kes (Case Statement) dengan tuntutan anda.



7

Persidangan Pra-Perbicaraan (PTC)

Pendaftar akan memberikan arahan untuk dokumen tambahan difailkan untuk pertimbangan Presiden sebelum keputusan dibuat. Pasangan mungkin dirujuk ke Sesi Hakam bergantung pada fakta kes.

Sesi Hakam: Jika pasangan tidak dapat bersetuju sama ada untuk bercerai atau tidak, Mahkamah boleh melantik hakam (pendamai perkahwinan), iaitu asatizah (pakar agama), untuk membantu kedua pihak menyelesaikan pertikaian rumah tangga mereka. Tarikh Perbicaraan akan diberikan apabila dokumen-dokumen yang diperlukan telah disiapkan.



8

Perbicaraan

Presiden akan membuat keputusan mengenai semua perkara berkaitan perceraian.

Mahkamah juga boleh mengarahkan kedua pihak untuk menghadiri program sokongan keluarga tertentu atau untuk sebuah laporan penilaian hak jagaan disediakan.



9

Penghakiman – Perceraian Diselesaikan

Selepas Perbicaraan: Perintah Mahkamah dan Sijil Perceraian* akan dikeluarkan dan tersedia melalui Portal SYC.

***Tempoh pentadbiran akan ditetapkan.**

TAMAT

GLOSARI

Plaintif: Pihak yang memfailkan Originating Summons.

Defendan: Pihak yang memberi respons kepada permohonan perceraian.

Presiden: Hakim di Mahkamah Syariah yang mendengar dan memutuskan permohonan perceraian.

Registrar: Pendaftar di Mahkamah Syariah yang mengendalikan Persidangan Pra-Perbicaraan (PTC) serta mendengarkan permohonan sementara (interim applications) contohnya, permohonan untuk penyerahan saman gantian.

Mediator: Pengantara terlatih yang memudahkan perbincangan antara pihak dengan tujuan mencapai persetujuan bersama mengenai semua isu berkaitan perceraian.

Hakam: Pendamai perkahwinan dalam panel hakam Mahkamah Syariah yang terdiri daripada asatizah (pakar agama) terlatih untuk menyelesaikan pertikaian rumah tangga, termasuk usaha perdamaian atau memudahkan perceraian secara baik jika perdamaian tidak dapat dicapai.

Originating Summons (OS) untuk Perceraian: Dokumen untuk memulakan permohonan perceraian di Mahkamah Syariah.

Memorandum Pembelaan (MOD): Dokumen Defendan sebagai respons kepada tuntutan Plaintif. Ia mengandungi butiran mengenai Defendan, jawapan kepada alasan perceraian Plaintif, tuntutan mengenai perkara sampingan, serta sebab-sebab dan tuntutan Defendan sendiri.

Pelan Keibubapaan: Setiap pihak mesti mengemukakan Pelan Keibubapaan yang mengandungi cadangan mereka mengenai pengaturan anak selepas perceraian.

Pelan Harta Perkahwinan: Setiap pihak mesti mengemukakan Pelan Harta Perkahwinan yang mengandungi cadangan mereka mengenai apa yang akan berlaku kepada rumah perkahwinan mereka selepas perceraian. Ini hanya harus dibuat oleh pasangan yang memiliki rumah flat HDB bersama.

PERKARA PENTING UNTUK DIKETAHUI JIKA ANDA MEWAKILI DIRI SENDIRI DI MAHKAMAH

Jika anda melalui perceraian tanpa peguam, anda dikenali sebagai pihak yang mewakili diri sendiri.

Berikut adalah beberapa perkara penting untuk perhatian anda:

JIKA ANDA BERNIAT UNTUK RUJUK DALAM TEMPOH IDDAH

Masa adalah kritikal – secara umum, anda hanya mempunyai 3 bulan dari lafaz talak untuk menyelesaikan perdamaian melalui rujuk.

Pasangan yang ingin berdamai dalam tempoh 3 bulan selepas lafaz talak mesti melalui proses Niat untuk Rujuk/Perdamaian (Intention to Rujuk/Reconcile (ITR) di Mahkamah Syariah.



(Imbas kod QR di sini untuk mendapatkan maklumat lanjut)



PERTIMBANGKAN FAKTOR UTAMA

Luangkan masa untuk menilai semua aspek keadaan anda sebelum memulakan proses perceraian. Untuk senarai pertimbangan yang lengkap, sila rujuk halaman 6.

DAPATKAN NASIHAT GUAMAN TERLEBIH DAHULU

Sebelum memulakan permohonan perceraian, sangat disyorkan agar anda berunding dengan seorang peguam, walaupun anda merancang untuk mewakili diri sendiri.

Kami amat mengesyorkan anda berunding dengan peguam keluarga yang bertauliah untuk memahami hak dan pilihan anda. Panduan profesional akan membantu anda membuat keputusan yang tepat dan menguruskan prosedur undang-undang dengan lebih berkesan.

KEPENTINGAN MEMORANDUM PEMBELAAN

Walaupun **Plaintif boleh meneruskan perceraian tanpa Memorandum of Defence (MOD) daripada Defendan**, tindakan ini berkemungkinan besar akan memanjangkan proses perceraian.

- Tanpa MOD, anda perlu menghadiri sesi Persidangan Pra-Perbicaraan (PTC) dan memfailkan dokumen tambahan sebelum tarikh perbicaraan ditetapkan.

Semasa perbicaraan, Presiden akan membuat keputusan yang mungkin tidak mengambil kira kedudukan Defendan sekiranya Defendan tidak memfailkan sebarang dokumen.

1. PERTIMBANGAN

Pertimbangkan perkara-perkara berikut sebelum anda memohon perceraian.

SEBAB-SEBAB PERCERAIAN

Talak

Suami telah melafazkan talak, bersedia untuk melafazkan talak, atau bersedia untuk mewakilkan lafaz tersebut kepada isterinya di bawah talak tafwidh.

Taklik

Pelanggaran syarat perkahwinan yang dinyatakan secara jelas dalam sijil perkahwinan.

Fasakh

Pelanggaran syarat perkahwinan yang tersirat.

Khuluk

Isteri memohon perceraian dengan tebusan, iaitu dengan membayar sejumlah wang kepada suami.

PENGATURAN PENJAGAAN ANAK



Hak Jagaan (Custody)

Siapa yang membuat keputusan jangka panjang (contohnya persekolahan, kesihatan) untuk anak-anak?



Penjagaan & Kawalan (Care & Control)

Siapa yang menjaga keperluan harian dan tinggal bersama anak-anak?



Akses (Access)

Bila atau berapa kerap anak akan berjumpa dengan ibu atau bapa yang tidak tinggal bersama mereka.

NAFKAH ISTERI



Nafkah Iddah

Nafkah yang wajib diberikan oleh suami selama tiga bulan berturut-turut selepas perceraian didaftarkan.



Mutaah

Pemberian saguhati untuk mengiktiraf masa, usaha dan pengorbanan isteri sepanjang perkahwinan serta meringankan beban kewangan selepas perceraian

PEMBAHAGIAN ASET*



Rumah Perkahwinan (Matrimonial Home)

Contohnya flat HDB yang dimiliki oleh salah seorang pihak atau kededua pihak bersama, dan didiami bersama sebagai suami isteri.

Penjualan rumah perkahwinan dan pembahagian hasil jualan tersebut ATAU, Pemindahan milik bersama kepada pemilikan tunggal, ATAU Serah kembali kepada HDB.



Aset Lain

Pembahagian aset lain termasuk simpanan bank dan deposit, saham pelaburan, polisi insurans, dana CPF, kenderaan dan harta lain.

*Pastikan kedudukan kewangan anda membolehkan pembahagian yang dicadangkan.

*Jika terdapat pemilik bersama selain anda atau pasangan, mereka mesti dimaklumkan dan disertakan dalam prosiding ini.

2. PERKARA PENTING SEBELUM PEMFAILAN

Anda hanya boleh memohon perceraian di Mahkamah Syariah jika: Anda dan pasangan anda beragama Islam, atau anda telah bernikah di bawah undang-undang Islam. Salah seorang daripada anda mesti merupakan warganegara Singapura atau telah tinggal di Singapura selama 3 tahun berturut-turut. Jika tiada pihak yang merupakan warganegara Singapura, anda dikehendaki mengemukakan bukti bahawa anda telah tinggal di Singapura selama 3 tahun.

PROGRAM WAJIB

Hadiri Program Kaunseling Perkahwinan (MCP)

Anda mesti menghadiri MCP, iaitu sesi wajib untuk anda dan pasangan membincangkan isu perkahwinan serta memahami kesan perceraian.

Selepas menghadiri MCP, anda mempunyai tempoh masa **6 bulan untuk mengemukakan Originating Summons bagi Perceraian**. Proses perceraian di Mahkamah Syariah hanya bermula setelah anda berjaya memfailkan Originating Summons dan ia diterima oleh Mahkamah.



Hadiri Program Keibubapaan

Program ini diwajibkan jika anda mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak di bawah umur 21 tahun. Program ini merangkumi kemahiran keibubapaan bersama dan pengurusan pengaturan penjagaan anak selepas perceraian.

Tiada pendaftaran berasingan diperlukan kerana ia termasuk dalam MCP.



3. PEMFAILAN ORIGINATING SUMMONS

Selepas menghadiri MCP, anda mempunyai tempoh masa 6 bulan untuk mengemukakan permohonan. Jika gagal berbuat demikian, anda perlu mendaftar semula dan menghadiri MCP sekali lagi.

Anda boleh memulakan permohonan dengan memfailkan Originating Summons untuk Perceraian melalui Portal SYC. Jika semua maklumat tersedia, anda boleh melengkapkan permohonan dalam masa 30 minit.

Semak status pemfailan anda dengan mendaftar masuk ke Portal SYC selepas 5 hari bekerja daripada tarikh pemfailan Originating Summons.

Sebarang semakan/kelulusan permohonan akan dihantar ke emel anda. Permohonan yang ditandakan atau dikembalikan sebagai "Tidak Lengkap" akan disertakan dengan ulasan tentang cara ia boleh diperbetulkan untuk dikemukakan semula.

Jika Originating Summons anda diluluskan, anda akan menerima tarikh sesi pengantaraan.

(Klik butang loceng untuk melihat notifikasi baharu)



(Imbas kod QR di sini untuk senarai dokumen sokongan)



4. PENYERAHAN ORIGINATING SUMMONS

Selepas permohonan anda diterima, anda mempunyai tempoh masa **12 bulan** untuk menyerahkan dokumen Originating Summons (OS) kepada Defendan. Walaupun tarikh pengantaraan telah ditetapkan, langkah ini diperlukan untuk memastikan Defendan menyedari adanya kes perceraian tersebut.

Jika tempoh masa 12 bulan tamat, anda perlu memfailkan Permohonan untuk Melanjutkan Kesahan OS.

Kaedah penyerahan OS yang tersedia:



1. Dalam talian melalui Portal SYC (Kaedah yang disyorkan).

Plaintif mesti menyediakan alamat emel Defendan yang sah semasa pemfailan OS, supaya Defendan dimaklumkan untuk daftar masuk.

2. Melalui pos berdaftar (Registered Post) – Defendan mesti menandatangani dan mengesahkan **Borang Pengakuan Penyerahan (Borang 36)**, serta mengembalikan borang yang ditandatangani. Kaedah ini digunakan jika Defendan tidak mempunyai alamat emel.

3. Serahan tangan melalui

- Pegawai Proses Penyerahan Mahkamah (jika penerima dipenjarakan dan anda tidak mempunyai peguam)
- Peguam anda atau kerani peguam

4. Penyerahan Saman Gantian (Substituted Service) melalui kaedah alternatif seperti iklan akhbar atau emel (hanya jika mahkamah memberikan kebenaran, untuk kes di mana Defendan tidak dapat dikesan atau tidak menerima kaedah penyerahan lain).

5. PEMFAILAN MEMORANDUM PEMBELAAN (MOD)

Jika anda (iaitu Defendan) telah menerima Originating Summons, anda mempunyai tempoh masa **21 hari** untuk mengesahkan penerimaan tersebut dan memfailkan Memorandum Pembelaan (MOD) melalui Portal SYC.

Dalam MOD anda, anda perlu menjelaskan sama ada anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan tuntutan yang dibuat serta mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan.

Semak status pemfailan anda dengan melayari Portal SYC selepas 3 hari bekerja daripada tarikh pemfailan MOD.

Permohonan yang ditandakan sebagai “Tidak Lengkap” akan disertakan dengan ulasan tentang cara ia boleh diperbetulkan. Sebarang pemfailan yang dikembalikan atau ditolak juga akan dihantar ke emel anda bersama ulasan tentang cara ia boleh diperbetulkan untuk dikemukakan semula.

Anda hanya boleh ke langkah seterusnya setelah pemfailan diterima oleh mahkamah.

(Klik butang loceng untuk melihat notifikasi baharu)



6. PENGANTARAAN

Pengantara (Mediator) (dan juga pakar terapeutik mahkamah, jika diperlu) membantu kededua pihak mencapai persetujuan mengenai perceraian dan perkara sampingan.

Kemungkinan hasil:

Jika kedua-dua pihak bersetuju dan telah mengemukakan semua dokumen dengan betul, perceraian boleh didaftarkan pada hari yang sama. Jika tidak, anda akan menerima tarikh untuk sesi pengantaraan seterusnya atau Persidangan Pra-Perbicaraan (PTC) (biasanya 3–4 bulan kemudian).



Pastikan perkara berikut telah dilakukan sebelum Pengantaraan:

- Originating Summons diserahkan dengan betul dan MOD difailkan dengan betul dan diterima oleh Mahkamah.
- **Pastikan anda telah mempertimbangkan:** Sebab-sebab perceraian (termasuk butiran lafaz talak, jika ada), Hak jagaan, penjagaan dan kawalan serta akses anak-anak, Nafkah Iddah, Mutaah, Harta perkahwinan*

*Kededua pihak bertanggungjawab untuk terlebih dahulu menyemak kemampuan kewangan sebelum bersetuju dengan sebarang syarat.

Selain itu, bagi penjualan flat HDB, pastikan flat tersebut telah memenuhi tempoh penghunian minimum (MOP). Untuk pemindahan flat HDB, pastikan pihak yang ingin memiliki flat tersebut memenuhi syarat HDB untuk pemilikan tunggal.

7. PERSIDANGAN PRA-PERBICARAAN (PTC)

Semasa PTC, anda atau peguam anda akan diberikan arahan mengenai dokumen yang perlu disediakan.


Dokumen-dokumen ini akan diteliti dan dipertimbangkan oleh Presiden (hakim) semasa perbicaraan sebelum membuat keputusan. Sebarang isu undang-undang atau prosedur sementara juga akan ditangani semasa PTC. Tarikh perbicaraan hanya akan diberikan setelah semua dokumen yang diperlukan berjaya disiap dan difail.



8. SESI HAKAM

Jika terdapat perselisihan mengenai sebab-sebab perceraian, Mahkamah boleh melantik Hakam (pendamai perkahwinan) bagi setiap pihak daripada Panel Hakam SYC. Bayaran diperlukan untuk pelantikan ini.

Penting: Dengan bersetuju terhadap pelantikan ini, anda memberikan Hakam kuasa penuh untuk melafazkan perceraian anda sekiranya mereka menentukan ia perlu. Anda perlu memilih Hakam anda daripada senarai Panel Hakam SYC yang disediakan.



9. PERBICARAAN

Setelah menyemak bukti dan kenyataan bertulis anda dalam dokumen yang dikemukakan, Presiden akan mempertimbangkan segalanya sebelum membuat keputusan mengenai perceraian anda. Jika tiada persetujuan antara kedua-dua pihak setakat ini, Mahkamah juga akan membuat keputusan mengenai:



Hak jagaan, penjagaan dan kawalan, serta akses kepada anak-anak



Hal kewangan seperti nafkah iddah, mutaah, mas kahwin dan hantaran belanja (jika masih tertunggak)



Pembahagian hartanah dan aset perkahwinan

Jika anak-anak anda berumur antara **7 hingga 21 tahun**, dan terdapat perselisihan mengenai hak jagaan, penjagaan dan kawalan serta akses kepada mereka, Mahkamah boleh mengadakan Gabungan Temu Bual Anak (Joint Child Interview, JCI) di mana anak anda akan berbincang secara peribadi dengan hakim dan pakar terapeutik mahkamah.

Dalam kes yang lebih serius, Mahkamah boleh membuat rujukan untuk kedua-dua pihak dan anak-anak menghadiri sesi kaunseling atau program sokongan keluarga, jika sesuai. Mahkamah juga boleh mengarahkan Laporan Penilaian Hak Jagaan (Custody Evaluation Report, CER) bagi memahami dengan lebih baik dinamika keluarga. Perlu diingat bahawa CER hanya boleh diarahkan oleh Mahkamah, dan bukan satu permintaan dari anda.

10. PENYUDAHAN PERCERAIAN

Selepas perceraian, anda akan menerima dokumen berikut daripada Portal SYC:

- **Dekri** - Dokumen Mahkamah dengan keputusan permohonan perceraian. Dokumen ini juga mengandungi lain-lain perintah yang dibuat oleh Mahkamah berhubung dengan kedua-dua pihak.
- **Sijil Perceraian*** - Bukti perceraian



***Tempoh pentadbiran ditetapkan bagi pengeluaran Sijil Perceraian berdasarkan bila talak telah dilafazkan.**

Imbas kod QR ini untuk Panduan Pengguna langkah demi langkah:



IHSAN & ISLAH:
PENDEKATAN
MAHKAMAH SYARIAH
TERHADAP KEADILAN
TERAPEUTIK

MAHKAMAH SYARIAH PERKHIDMATAN PAKAR TERAPEUTIK

Mahkamah Syariah komited kepada pendekatan Keadilan Terapeutik yang berpandukan prinsip *Ihsan* dan *Islah*. Kami percaya bahawa perceraian dalam konteks Islam seharusnya membantu anda pulih dan melangkah ke hadapan, bukan sekadar menamatkan rumahtangga anda dari sudut undang-undang sahaja.

Ihsan menyeru kita untuk bertindak dengan kecemerlangan dan penuh keprihatinan dalam setiap perkara yang dilakukan. *Islah* pula mengingatkan kita bahawa setiap cabaran merupakan peluang untuk perubahan dan perkembangan yang positif. Bersama-sama, prinsip-prinsip ini membentuk cara kami membantu dan menyokong anda ketika menghadapi cabaran ini.

Sejak tahun 2022, Mahkamah Syariah mempunyai Perkhidmatan Pakar Terapeutik (Therapeutic Specialist Services, TSS) sendiri. Perkhidmatan ini terdiri daripada profesional sains sosial yang mempunyai latihan khusus dalam membantu keluarga yang melalui proses perceraian.

Perkhidmatan Pakar Terapeutik kami bekerjasama dengan pegawai undang-undang mahkamah untuk memastikan keputusan mahkamah mengambil kira bukan sahaja aspek perundangan, malah juga kesejahteraan anak-anak dan keluarga anda.

Mahkamah boleh mengarahkan anda menghadiri sesi pengantaraan bersama (co-mediation) dengan seorang Mediator dan Pakar Terapeutik Mahkamah bagi menangani kebimbangan mengenai anak-anak anda dan/atau perkara-perkara lain yang melibatkan keluarga untuk membantu keluarga anda mencari jalan terbaik demi masa depan.



MELETAKKAN ANAK SEBAGAI KEUTAMAAN:

Apakah maksud “Kepentingan Terbaik Anak”?

Apabila ibu bapa melalui perceraian, perkara paling penting ialah apa yang terbaik untuk masa depan anak-anak anda. Yang paling terjejas semasa perceraian adalah anak-anak dan mereka memerlukan sokongan yang teliti.

PERANAN ANDA SEBAGAI IBU BAPA



Fokus kepada Anak

Ketepikan rasa sakit hati atau marah anda untuk menumpukan perhatian kepada apa yang amat diperlukan oleh anak anda. Ini termasuk kesediaan anda untuk bekerjasama dengan bekas pasangan dalam hal keibubapaan.



Kekal Fleksibel

Keperluan anak berubah apabila mereka membesar. Apa yang sesuai untuk anak kecil mungkin kurang sesuai apabila mereka meningkat remaja. Sikap boleh menyesuaikan diri dapat membantu anak anda terus berkembang dengan baik.



Komitmen kepada Kerjasama

Apabila ibu bapa bekerjasama menumpukan kepentingan terbaik anak, anak-anak lebih mudah menyesuaikan diri dengan perubahan keluarga serta mengekalkan hubungan yang positif dengan kedua-dua ibu bapa.

MELANGKAH KE HADAPAN BERSAMA

Apabila ibu bapa menumpukan apa yang terbaik untuk anak mereka, membuat keputusan yang sukar menjadi lebih jelas dan mudah. Anak-anak lebih mampu menghadapi perubahan keluarga apabila mereka melihat ibu bapa bekerjasama demi kesejahteraan mereka.

Matlamatnya mudah: Membantu anak anda berasa disayangi, selamat, dan yakin tentang masa depan.

Paling penting, anak anda harus sedar bahawa kedua-dua ibu bapa akan sentiasa mengutamakan kesejahteraan mereka, tidak kira apa perubahan yang berlaku dalam keluarga.



SOALAN LAZIM

Q: PERLUKAH SAYA ADA PEGUAM?

A: Kami mengesyorkan anda mendapatkan nasihat guaman mengenai hak anda dan memahami proses perceraian. Anda boleh melantik peguam untuk mewakili anda dalam kes perceraian sekiranya anda memerlukan sokongan guaman lanjut.

Bergantung pada keadaan anda, anda boleh mempertimbangkan pilihan berikut:

Bantuan guaman percuma atau kos rendah

Jika anda tidak mampu melantik peguam, anda boleh menghubungi Legal Aid Bureau atau Pro Bono SG. Organisasi ini menyediakan bantuan guaman kepada pemohon yang layak, tertakluk kepada kriteria mereka.

Legal Aid Bureau (LAB)

Telephone: 1800-225-5529

Website: <https://lab.mlaw.gov.sg/about-us/contact-us/>

Pro Bono SG

Telephone: 6536 0650

Website: <https://www.probono.sg/>

Untuk mencari klinik guaman di Singapura: <https://www.probono.sg/get-legal-help/legal-guidance/the-general-public/legal-clinics-in-singapore/>

Melantik peguam swasta

Jika anda ingin melantik peguam swasta, anda boleh merujuk kepada Law Society of Singapore, yang menyediakan maklumat dan perkhidmatan rujukan untuk membantu anda mencari peguam yang sesuai.

Peguam undang-undang Islam (Syariah lawyers)

Oleh kerana kes Mahkamah Syariah melibatkan undang-undang Islam, anda mungkin ingin melantik peguam yang berpengalaman dalam undang-undang Syariah atau undang-undang keluarga Islam.

Q: SAYA TELAH MEMFAILKAN PERNYATAAN KES. BUKANKAH IA SAMA DENGAN AFIDAVIT?

A: Tidak, pernyataan kes dan afidavit adalah dokumen berbeza yang mempunyai tujuan tersendiri dalam prosiding undang-undang.

Pernyataan kes menggariskan kedudukan anda dan fakta utama kes anda. Afidavit ialah kenyataan bersumpah yang menjelaskan kedudukan yang anda nyatakan dalam pernyataan kes, menghuraikan fakta utama kes anda, serta melampirkan bukti dan dokumen yang menyokong kes anda. Jika tiada persetujuan antara kedu-dua pihak dan Presiden perlu membuat keputusan mengenai kes tersebut, kedu-dua pernyataan kes dan afidavit diperlukan untuk membolehkan Presiden Mahkamah membuat keputusan berdasarkan merit kes anda.

Q: BOLEHKAH SAYA MELAFAZKAN TALAK SEKARANG? SAYA TIDAK MAHU MENUNGGU.

A: Anda hanya patut melafazkan talak di Mahkamah kerana hanya Presiden Mahkamah yang boleh menentukan sama ada pelafazan perceraian yang dilakukan di luar Mahkamah adalah sah, sekali gus memberikan kepastian sama ada anda telah sah bercerai.

Pengesahan ini hanya akan dilakukan apabila permohonan perceraian difailkan di Mahkamah oleh salah satu pihak dalam perkahwinan, dan semua langkah serta arahan Mahkamah telah dipenuhi. Jika anda melafazkan talak di luar Mahkamah, status perkahwinan anda kurang jelas sehingga Mahkamah menentukan perceraian tersebut.

SOALAN LAZIM

Q: SAYA BERKAHWIN DI LUAR NEGARA DAN TELAH HILANG SIJIL PERKAHWINAN. APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN?

A: Anda perlu mendapatkan salinan sijil perkahwinan daripada negara di mana perkahwinan anda didaftarkan. Sijil perkahwinan tersebut juga mesti disahkan oleh pihak berkuasa di negara berkenaan. Anda boleh menyemak dengan Kementerian Hal Ehwal Luar (atau setara dengannya) di negara di mana sijil perkahwinan anda dikeluarkan untuk mengetahui di mana anda boleh mendapatkan pengesahan tersebut.

Jika anda menghadapi kesukaran untuk mendapatkan salinan sijil perkahwinan, anda boleh mendapatkan nasihat guaman daripada organisasi berikut:

Legal Aid Bureau (LAB)

Telephone: 1800-225-5529

Website: <https://lab.mlaw.gov.sg/about-us/contact-us/>

Pro Bono SG

Telephone: 6536 0650

Website: <https://www.probono.sg/>

Kedua-dua organisasi menyediakan perkhidmatan guaman percuma atau kos rendah. Mereka akan menilai keadaan anda untuk melihat bagaimana mereka boleh membantu. Anda mungkin perlu menjalani ujian kemampuan (means test) untuk menentukan sama ada anda layak menerima perkhidmatan tersebut.

Kami menggalakkan anda menghubungi organisasi ini lebih awal untuk membincangkan keperluan guaman anda dan mengetahui bantuan yang tersedia.

Q: BERAPA BANYAK SESI PROGRAM KAUNSELING PERKAHWINAN (MCP) YANG PERLU SAYA HADIRI?

A: Bilangan sesi Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) biasanya antara 1 hingga 3 sesi, bergantung pada keperluan dan keadaan khusus anda dan pasangan anda. Jika anda mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak di bawah umur 21 tahun, anda mungkin perlu menghadiri sehingga 5 sesi kaunseling (termasuk 2 sesi Program Keibubapaan).

Kaunselor akan menilai keadaan anda dan menentukan bilangan sesi yang sesuai untuk anda dan pasangan anda berhubung mengenai perkahwinan serta memahami kesan perceraian.

Pendekatan yang tersendiri ini memastikan program kaunseling disesuaikan dengan keadaan unik anda dan memberikan sokongan yang mencukupi kepada kedua-dua pihak.

Terima Kasih

MASIH ADA SOALAN? PEMBANTU MAYA KAMI SEDIA MEMBANTU MEMBIMBING ANDA.





SYARIAH COURT SINGAPORE